



NEGERI SABAH

[JPAN:700-4/1/(11)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL.6/2015

KAEDAH PELARASAN GAJI KENAIKAN PANGKAT DENGAN ELAUN PEMANGKUAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelarasan gaji gred kenaikan pangkat dengan Elaun Pemangkuhan supaya pelaksanaannya lebih cekap, teratur dan seragam. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2008 (Surat Pekeliling Persekutuan).

LATAR BELAKANG

2. Pada umumnya seorang pegawai akan diluluskan pemangkuhan ke gred yang lebih tinggi sebelum dinaikkan pangkat kecuali Lembaga Kenaikan Pangkat memutuskan pegawai dinaikkan pangkat tanpa pemangkuhan. Kenaikan pangkat pegawai akan dimaklumkan melalui surat penyiaran kenaikan pangkat yang dikeluarkan pada tarikh semasa dengan tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat sama ada dikebelakangan pada tarikh pemangkuhan atau pada mana-mana tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

3. Dari masa ke semasa pertanyaan masih diterima daripada jabatan dan agensi mengenai pelarasan gaji kenaikan pangkat dengan Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku yang mana tarikh kenaikan pangkat pegawai adalah pada tarikh yang dikebelakangan.

PELARASAN GAJI KENAIKAN PANGKAT DENGAN ELAUN PEMANGKUAN

4. Bayaran Elaun Pemangkuan hendaklah dihentikan apabila pegawai dinaikkan pangkat mulai tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat dikeluarkan. Bagi tujuan pelarasan, kaedah berikut hendaklah diikuti:

- i) Pelarasan gaji kenaikan pangkat dengan gaji di gred sebelum kenaikan pangkat seperti contoh di **Jadual A (Lampiran 1, 2, 3, 4)**; dan
- ii) Hasil pelarasan gaji di perenggan 4(i) hendaklah diselaraskan dengan Elaun Pemangkuan yang telah dibayar mulai tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat sehingga tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat seperti contoh di **Jadual B (Lampiran 1, 2, 3, 4)** dan bagi pelarasan selepas tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat seperti contoh di **Jadual C (Lampiran 1, 2, 3, 4)**.

5. Selepas dibuat pelarasan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 4 di atas, jika terdapat perbezaan negatif iaitu jumlah pelarasan gaji kenaikan pangkat **kurang** daripada jumlah Elaun Pemangkuan yang telah dibayar bagi tempoh mulai tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat sehingga tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat, perbezaan tersebut tidak perlu dikutip balik daripada pegawai berkenaan. Manakala bagi perbezaan yang positif iaitu jumlah pelarasan gaji kenaikan pangkat **melebihi** daripada jumlah Elaun Pemangkuan, Jabatan hendaklah membayar perbezaan tersebut kepada pegawai.

6. Elaun Pemangkuan yang dibayar kepada pegawai selepas daripada tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat hendaklah dikutip balik.

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2013.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA“



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 05 Mei 2015

s.k Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

CONTOH PELARASAN GAJI DENGAN ELAUN PEMANGKUAN
BAGI KENAIKAN PANGKAT YANG TARIKH KUAT KUASANYA
DIKEBELAKANGKAN SELEPAS TARIKH PEMANGKUAN

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 Dinaikkan Pangkat Ke Gred N26

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred N22	:	1 Julai
Tarikh Pemangkuan Gred N26	:	15 Jun 2006
Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred N26	:	16 Disember 2006
Gaji Akhir Di Gred N22 (pada 15.12.2006)	:	RM2113.14 (P1T10)
Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat	:	20 Jun 2008

Jadual A : Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat Dengan Gaji di Gred Sebelum Kenaikan Pangkat

Tarikh	Gaji Gred N22 (RM)	Gaji Gred N26 (RM)	Catatan
15.12.2006	2113.14 (P1T10)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
16.12.2006	2113.14 (P1T10)	2229.30 (P1T7)	Tarikh Kuat Kuasa Kenaikan Pangkat Ke Gred N26. TPG Berubah kepada 1 Oktober.
1.7.2007	2641.42 (P1T10)	2786.61 (P1T7)	Pelarasan Gaji Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007. (Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 3/2007)
1.7.2007	2739.73 (P1T11)	2786.61 (P1T7)	TPG Di Gred Jawatan Asal. (Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).
1.10.2007	2739.73 (P1T11)	2884.92 (P1T8)	TPG Di Gred N26.
20.6.2008	2739.73 (P1T11)	2884.92 (P1T8)	Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred N26.

Jadual B : Pelarasan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan Sehingga Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan
	Gred N22 (Telah Terima)	Gred N26 (Patut Terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun Sebulan	Jumlah	
(a)	(b)	(c)	(d) = (c) - (b)	(e)	(f) = (d) x (e)	(g)	(h) = (g) x (e)	(i) = (f) - (h)
16.12.2006 hingga 31.12.2006	2113.14 (P1T10)	2229.30 (P1T7)	116.16	16/31 bulan	59.95	78.65	40.59	19.36
1.1.2007 hingga 30.6.2007	2113.14 (P1T10)	2229.30 (P1T7)	116.16	6 bulan	696.96	78.65	471.90	225.06
1.7.2007 hingga 30.9.2007	2739.73 (P1T11)	2786.61 (P1T7)	46.88	3 bulan	140.64	98.31	294.93	(154.29)
1.10.2007 hingga 31.5.2008	2739.73 (P1T11)	2884.92 (P1T8)	145.19	8 bulan	1161.52	98.31	786.48	375.04
1.6.2008 hingga 20.6.2008	2739.73 (P1T11)	2884.92 (P1T8)	145.19	20/30 bulan	96.79	98.31	65.54	31.25
Jumlah					2155.86	-	1659.44	*496.42

Jadual C : Pelarasan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan Selepas Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan (RM)
	Gred N22 (Telah Terima)	Gred N26 (Patut Terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun Sebulan	Jumlah	
(a)	(b)	(c)	(d) = (c) - (b)	(e)	(f) = (d) x (e)	(g)	(h) = (g) x (e)	(i) = (f) - (h)
21.6.2008 hingga 30.6.2008	2739.73 (P1T11)	2884.92 (P1T8)	145.19	10/30 bulan	48.40	98.31	32.77	15.63
Jumlah					48.40	-	32.77	**15.63

Catatan:

- * Sekiranya jumlah perbezaan sehingga tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat adalah negatif (jumlah Elaun Pemangkuan melebihi jumlah gaji), maka perbezaan tersebut tidak perlu dikutip balik.
- ** Sekiranya jumlah perbezaan selepas tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat adalah negatif (jumlah Elaun Pemangkuan melebihi jumlah gaji), maka perbezaan tersebut hendaklah dikutip balik.

CONTOH PELARASAN GAJI DENGAN ELAUN PEMANGKUAN
BAGI KENAIKAN PANGKAT YANG TARIKH KUAT KUASANYA
DIKEBELAKANGKAN PADA TARIKH PEMANGKUAN

Jurutera Gred J48 Dinaikkan Pangkat Ke Gred J52

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred J48 : 1 Januari
Tarikh Pemangkuan Gred J52 : 1 Ogos 2007
Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred J52 : 1 Ogos 2007
Gaji Akhir Di Gred J48 (pada 31.7.2007) : RM5988.61(P2T6)
Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat : 25 Jun 2008

Jadual A : Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat Dengan Gaji di Gred Sebelum Kenaikan Pangkat

Tarikh	Gaji Gred J48 (RM)	Gaji Gred J52 (RM)	Catatan
31.7.2007	5988.61 (P2T6)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
1.8.2007	5988.61 (P2T6)	6233.51 (P1T7)	Tarikh Kuat Kuasa Kenaikan Pangkat Ke Gred J52. Penetapan Gaji Permulaan Di Gred J52. TPG Berubah Pada 1 Julai.
1.1.2008	6212.64 (P2T7)	6233.51 (P1T7)	TPG Di Gred Jawatan Asal. (Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).
25.6.2008	6212.64 (P2T7)	6233.51 (P1T7)	Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred J52.

Jadual B : Pelarasan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan Sehingga Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan (RM)
	Gred J48 (Telah Terima)	Gred J52 (Patut Terima)	Pelarasan	Tempoh		Amaun Sebulan	Jumlah	
(a)	(b)	(c)	(d) = (c) - (b)	(e)	(f) = (d) x (e)	(g)	(h) = (g) x (e)	(i) = (f) - (h)
1.8.2007 hingga 31.12.2007	5988.61 (P2T6)	6233.51 (P1T7)	244.90	5 bulan	1224.50	207.33	1036.65	187.85
1.1.2008 hingga 31.5.2008	6212.64 (P2T7)	6233.51 (P1T7)	20.87	5 bulan	104.35	207.33	1036.65	(932.30)
1.6.2008 hingga 25.6.2008	6212.64 (P2T7)	6233.51 (P1T7)	20.87	25/30 bulan	17.39	207.33	172.78	(155.39)
Jumlah					1346.24	-	2246.08	*(899.93)

Jadual C : Pelarasan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan Selepas Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan (RM)
	Gred J48 (Telah Terima)	Gred J52 (Patut Terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun Sebulan	Jumlah	
(a)	(b)	(c)	(d) = (c) - (b)	(e)	(f) = (d) x (e)	(g)	(h) = (g) x (e)	(i) = (f) - (h)
26.6.2008 hingga 30.6.2008	6212.64 (P2T7)	6233.51 (P1T7)	20.87	5/30 bulan	3.48	207.33	34.56	(31.08)
Jumlah					3.48	-	34.56	** (31.08)

Catatan:

- * Sekiranya jumlah perbezaan sehingga tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat adalah negatif (jumlah Elaun Pemangkuan melebihi jumlah gaji), maka perbezaan tersebut tidak perlu dikutip balik.
- ** Sekiranya jumlah perbezaan selepas tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat adalah negatif (jumlah Elaun Pemangkuan melebihi jumlah gaji), maka perbezaan tersebut hendaklah dikutip balik.

**CONTOH PELARASAN GAJI DENGAN ELAUN PEMANGKUAN
BAGI KENAIKAN PANGKAT YANG TARIKH KUAT KUASANYA
DIKEBELAKANGKAN SELEPAS TARIKH PEMANGKUAN**

Pegawai Gred Utama C (VU7) Dinaikkan Pangkat Ke Gred Utama B (VU6)

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred VU7 : 1 Januari
 Tarikh Pemangkuan Gred VU6 : 1 Mac 2007
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred VU6 : 1 Mei 2007
 Gaji Akhir Di Gred VU7 (pada 30.4.2007) : RM7394.20 (matagaji 4)
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat : 15 Jun 2008

Jadual A : Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat Dengan Gaji di Gred Sebelum Kenaikan Pangkat

Tarikh	Gaji Gred VU7 (RM)	Gaji Gred VU6 (RM)	Penyelesaian PP 14/2007 (PPNS Bil.2/2008)	Catatan
30.4.2007	7394.20 (matagaji 4)	-	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal
1.5.2007	7394.20 (matagaji 4)	7926.60 (matagaji 4)	-	Tarikh Kuat Kuasa Kenaikan Pangkat Ke Gred VU6. TPG berubah Pada 1 April.
1.7.2007	7948.77 (matagaji 4)	8521.10 (matagaji 4)	-	Pelarasan Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007. (Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.3/2007)
1.7.2007	8710.01 (matagaji 4)	9434.99 (matagaji 4)	-	Pelarasan Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2007. (Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.2/2008)
1.1.2008	9480.90 (matagaji 5) Maks	9434.99 (matagaji 4)	10270.05 (matagaji 5) Maks	TPG Di Gred VU7. <i>(Pelarasan Gaji Di Gred VU6 Berasaskan Prinsip Sama Atau Tertinggi Berhampiran Dengan Amaun Gaji Di Gred VU7 Supaya Gaji Di Gred VU6 Sama Atau Lebih Tinggi Daripada Gaji Di Gred VU7).</i>
1.4.2008	9480.90 (matagaji 5) Maks	-	10270.05 (matagaji 5) Maks	TPG Di Gred VU6. Tiada Pergerakan Gaji Kerana Telah Berada Di Matagaji Maksimum.
15.6.2008	9480.90 (matagaji 5) Maks	-	10270.05 (matagaji 5) Maks	Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred VU5 (Dikebelakangkan Mulai 1 Mei 2007).

Jadual B : Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan Sehingga Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan (RM)
	VU7 (Telah terima)	VU6 (Patut terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun Sebulan	Jumlah	
(a)	(b)	(c)	(d) = (c) - (b)	(e)	(f) = (d) x (e)	(g)	(h) = (g) x (e)	(i) = (f) - (h)
1.5.2007 hingga 30.6.2007	7394.20 (matagaji 4)	7926.60 (matagaji 4)	532.40	2 bulan	1064.80	629.20	1258.40	(193.60)
1.7.2007 hingga 31.12.2007	8710.01 (matagaji 4)	9434.99 (matagaji 4)	724.98	6 bulan	4349.88	693.78	4162.68	187.20
1.1.2008 hingga 31.5.2008	9480.90 (matagaji 5)	10270.05 (matagaji 5)	789.15	5 bulan	3945.75	693.78	3468.90	476.85
1.6.2008 hingga 15.6.2008	9480.90 (matagaji 5)	10270.05 (matagaji 5)	789.15	15/30 bulan	394.58	693.78	346.89	47.69
Jumlah					9755.01	-	9236.87	*518.14

Jadual C : Pelarasan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan Selepas Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan (RM)
	VU7 (Telah terima)	VU6 (Patut terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun Sebulan	Jumlah	
(a)	(b)	(c)	(d) = (c) - (b)	(e)	(f) = (d) x (e)	(g)	(h) = (g) x (e)	(i) = (f) - (h)
16.6.2008 hingga 30.6.2008	9480.90 (matagaji 5)	10270.05 (matagaji 5)	789.15	15/30 0	394.58	693.78	346.89	47.69
Jumlah					394.58	-	346.89	**47.69

Catatan:

- * Sekiranya jumlah perbezaan sehingga tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat adalah negatif (jumlah Elaun Pemangkuan melebihi jumlah gaji), maka perbezaan tersebut tidak perlu dikutip balik.
- ** Sekiranya jumlah perbezaan selepas tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat adalah negatif (jumlah Elaun Pemangkuan melebihi jumlah gaji), maka perbezaan tersebut hendaklah dikutip balik.

**CONTOH PELARASAN GAJI DENGAN ELAUN PEMANGKUAN
BAGI KENAIKAN PANGKAT YANG TARIKH KUAT KUASANYA
DIKEBELAKANGKAN PADA TARIKH PEMANGKUAN**

Pegawai Gred Utama B (VU6) Dinaikkan Pangkat Ke Gred Utama A (VU5)

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred VU6 : 1 April
 Tarikh Memangku Gred VU5 : 1 April 2007
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred VU5 : 1 April 2007
 Gaji Akhir Di Gred VU6 (pada 31.3.2007) : RM7926.60 (matagaji 4)
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat : 10 Jun 2008

Jadual A : Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat Dengan Gaji di Gred Sebelum Kenaikan Pangkat

Tarikh	Gaji Gred VU6 (RM)	Gaji Gred VU5 (RM)	Penyelesaian PP 14/2007	Catatan
31.3.2007	7926.60 (matagaji 4)	-	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
1.4.2007	8229.10 (matagaji 5)	-	-	TPG Gred Jawatan Asal (Pergerakan Gaji Mengikut Keputusan PPSM).
1.4.2007	8229.10 (matagaji 5)	8713.10 (matagaji 4)	-	Tarikh Kuat Kuasa Kenaikan Pangkat Ke Gred VU5. Penetapan Gaji Permulaan Di Gred VU5.
1.7.2007	8846.29 (matagaji 5)	9366.59 (matagaji 4)	-	Pelarasan Kepada Matagaji Baru Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.
1.7.2007	10270.05 (matagaji 5) Maks	10256.87 (matagaji 4)	11164.94 (matagaji 5) Maks	Pelarasan Kepada Matagaji Baru Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2007 (Pelarasan Gaji Di Gred VU5 Berasaskan Prinsip Sama Atau Tertinggi Berhampiran)
1.4.2008	10270.05 (matagaji 5) Maks	-	11164.94 (matagaji 5) Maks	TPG Di Gred VU5. Tiada Pergerakan Gaji Kerana Telah Berada Di Matagaji Maksimum.
10.6.2008	10270.05 (matagaji 5) Maks	-	11164.94 (matagaji 5) Maks	Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred VU5 (Dikebelakangkan Mulai 1 April 2007)

Jadual B : Pelarasan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan Sehingga Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan (RM)
	VU6 (Telah terima)	VU5 (Patut terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun Sebulan	Jumlah	
(a)	(b)	(c)	(d) = (c) - (b)	(e)	(f) = (d) x (e)	(g)	(h) = (g) x (e)	(i) = (f) - (h)
1.4.2007 hingga 30.6.2007	8229.10 (matagaji 5)	8713.10 (matagaji 4)	484.00	3 bulan	1452.00	701.80	2105.40	(653.40)
1.7.2007 hingga 31.12.2007	10270.05 (matagaji 5)	11164.94 (matagaji 5)	894.89	6 bulan	5369.34	754.44	4526.64	842.70
1.1.2008 hingga 31.5.2008	10270.05 (matagaji 5)	11164.94 (matagaji 5)	894.89	5 bulan	4474.45	754.44	3772.20	702.25
1.6.2008 hingga 10.6.2008	10270.05 (matagaji 5)	11164.94 (matagaji 5)	894.89	10/30 bulan	298.30	754.44	251.48	46.82
Jumlah					11594.09	-	10655.72	*938.37

Jadual C : Pelarasan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan Selepas Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan (RM)
	VU6 (Telah terima)	VU5 (Patut terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun Sebulan	Jumlah	
(a)	(b)	(c)	(d) = (c) - (b)	(e)	(f) = (d) x (e)	(g)	(h) = (g) x (e)	(i) = (f) - (h)
11.6.2008 hingga 30.6.2008	10270.05 (matagaji 5)	11164.94 (matagaji 5)	894.89	20/30 bulan	596.59	754.44	502.96	93.63
Jumlah					596.59	-	502.96	**93.63

Catatan:

- * Sekiranya jumlah perbezaan sehingga tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat adalah negatif (jumlah Elaun Pemangkuan melebihi jumlah gaji), maka perbezaan tersebut tidak perlu dikutip balik.
- ** Sekiranya jumlah perbezaan selepas tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat adalah negatif (jumlah Elaun Pemangkuan melebihi jumlah gaji), maka perbezaan tersebut hendaklah dikutip balik.